

SURAT PANGGILAN MESYUARAT

Ruj. Kami : SKPJV.600-3/1/3
Tarikh : 07 Mac 2024

Semua Guru Bahasa Inggeris,
Sekolah Kebangsaan Permas
Jaya 5,
Jalan Permas 13/1, Taman Permas Jaya,
81750 Masai, Johor

Tuan,

**MESYUARAT PANITIA BAHASA INGGERIS
BIL.1/2024**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mesyuarat tersebut akan diadakan seperti ketentuan berikut :

Tarikh : 14 Mac 2024
Masa : 12.00 pm .hingga 1.00 pm
Tempat : Bilik Komputer, SK Permas Jaya 5
Pengerusi : Sri Gauri a/p Narayanan

3. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut;

- 3.1 Perutusan Pengerusi
- 3.2 Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
- 3.3 Perkara-perkara Berbangkit
- 3.4 Fokus Mesyuarat;
 - i Pelantikan AJK dan Agihan Tugas Guru 2024
 - ii Pengurusan Agihan Belanjawan Mengurus / Kewangan Panitia.
 - iii Pentaksiran dan Pelaporan PBD 2024
 - iv Perancangan Strategik dan OPPM 2024
 - v DSKP dan RPT 2024
 - vi e-RPH
 - vii Penyelarasan Penggunaan Buku Latihan dan Zoom A
 - viii Agihan Latihan
 - ix Semakan Latihan dan Buku Latihan
 - x PLC
 - xi MMI – Melindungi Masa Instruksional
 - xii NILAM
 - xiii Program Transisi 2024
 - xiv Pendidikan Sivik
- 3.5 Hal-hal Lain.
- 3.6 Penutup.

Kehadiran dan kerjasama daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



.....
LENI SALFARINA BINTI A RAMLEE
Guru Besar
SK Permas Jaya 5

SEKOLAH KEBANGSAAN PERMAS JAYA 5

MINIT MESYUARAT PANITIA BAHASA INGGERIS BIL 1 /TAHUN 2024

Tarikh : 14 Mac 2023
Masa : 12.00 tengahari
Tempat : Bilik Komputer, SK Permas Jaya 5
Pengerusi : Sri Gauri a/p Narayanan Kehadiran
(Bilangan) : 3 /3

Turut Hadir :

Turut Hadir (Jika ada) :

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah.
- 1.2 Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua guru ke Mesyuarat Panitia BI Bil 1/2024.
- 1.3 Pengerusi menerangkan tentang fokus atau agenda mesyuarat dan aktiviti pengurusan panitia.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LALU

- 2.1 Tiada

3. PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Refleksi 2024
 - 3.1.1 Tahniah diucapkan kepada semua guru kerana berjaya menyelesaikan sukatan pelajaran Bahasa Inggeris.
 - 3.1.2 Tahniah diucapkan kepada guru Bahasa Inggeris kerana telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti atau program Panitia Bahasa Inggeris.
 - 3.1.3 Pentaksiran PBD telah berjaya dilaksanakan sebaik mungkin oleh semua guru Bahasa Inggeris, direkodkan ke dalam sistem dan data telah dicetak untuk disimpan di dalam fail.

4 FOKUS MESYUARAT

4.1 Pelantikan AJK dan Agihan Tugas Guru 2024

- 4.1.1 Pelantikan AJK Panitia Bahasa Inggeris 2024

Ketua Panitia / Pengerusi
Setiausaha
AJK

:Sri Gauri a/p Narayanan
:Muhammad Fathurrahman B Mohd
:Wan Nur Alia Nadira binti Wan Zaidi

- 4.1.2 Puan Sri Gauri memaklumkan Guru Bahasa Inggeris yang akan mengajar kelas tahun 1 Bestari. 3 dan tahun 6 ialah beliau sendiri, tahun 1 Arif, tahun 2 Arif dan tahun 5 Puan Wan Nur Alia Nadira, manakala tahun 2 Bestari dan tahun 4 Arif Encik Fathurrahman .

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.2 Pengurusan Agihan Belanja Mengurus (ABM) / Kewangan Panitia

- 4.2.1 Anggaran Belanja Mengurus telah dibentangkan.
- 4.2.2 Peruntukan Bantuan Perkapita Mata Pelajaran Bahasa Inggeris adalah sebanyak RM 1059. Oleh itu, guru bolehlah merancang dan menguruskan peruntukan yang diperolehi dengan membeli alatan dan keperluan yang sesuai.
- 4.2.3 Ketua Panitia perlu mengisi nota minta dan menyediakan kertas kerja program sekiranya mahu membeli keperluan. Sebarang keperluan yang ingin dibeli perlu dirujuk kepada guru besar selepas mengisi nota minta.

Tindakan: Ketua Panitia

4.3 Pentaksiran dan Pelaporan PBD 2023

- 4.3.1 Pengerusi telah membuat penerangan bahawa minggu-3 merupakan minggu pentaksiran berkala dijalankan manakala minggu ke-4 merupakan semakan dalam penilaian PBD. PBD yang dijalankan hendaklah direkod dalam borang transit yang akan diedarkan oleh Ketua Panitia. Setiap guru perlu ada fail perekodan PBD bagi memudahkan rujukan.
- 4.3.2 Pencapaian murid iaitu TP boleh berikan kepada murid minima sekurang-kurangnya TP3 dan perlu elakkan daripada berikan TP 2. Guru-guru Bahasa Inggeris perlu berusaha cari kemahiran yang lain untuk berikan TP yang baik kepada murid-murid yang lemah. Data PBD ini perlu dikumpulkan dan Ketua Panitia perlu tahu tentang tajuk-tajuk yang telah diajar dan dinilai oleh guru-guru Bahasa Inggeris
- 4.3.3 Guru- guru yang ada masa free akan pergi ke Pra untuk mengajar murid pra untuk menangani masalah membaca. Ini akan membantu murid untuk membaca dengan lancar apabila mereka ke tahun 1 tahun depan. Nama program ini adalah Program 'LITTLE BAMBOO'.

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

- 4.3.4 Berdasarkan analisa data PBD akhir tahun 2023/24, masih ada murid yang belum mencapai sekurang-kurangnya TP3, terutamanya murid tahap 1. Melalui Analisa lebih kurang 20 orang murid yang tidak mencapai sekurang-kurangnya TP3 pada tahun 2023..Untuk murid tersebut akan diadakan satu Program ' JOEY CARE'. Ibu bapa yang suka rela akan mengajar murid ini untuk membaca dengan modul yang di sediakan oleh panitia Bahasa Inggeris.

4.3.5 Analisis PBD Bahasa Inggeris 2023/2024

BIL	KELAS	TP1		TP2		TP3		TP4		TP5		TP6		TIDAK MEGUASAI		MENGUASAI		JUMLAH MURID
		BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	
1	1 ARIF	0	0%	3	15%	8	40%	2	10%	3	15%	4	20%	3	15%	17	85%	20
2	1 BESTARI	0	0%	6	27%	6	27%	5	23%	5	23%	0	0%	6	27%	16	73%	22
3	2 ARIF	1	3%	5	17%	9	30%	7	23%	5	17%	3	10%	6	20%	24	80%	30
4	3 ARIF	1	3%	4	14%	5	17%	8	28%	10	34%	1	3%	5	17%	24	83%	29
5	4 ARIF	0	0%	0	0%	11	38%	9	31%	8	28%	1	3%	0	0%	29	100%	29
6	5 ARIF	0	0%	3	10%	18	60%	5	17%	3	10%	1	3%	3	10%	27	90%	30
7	6 ARIF	0	0%	0	0%	5	17%	19	63%	5	17%	1	3%	0	0%	30	100%	30

Makluman: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.4 Perancangan Strategik dan OPKM 2024

- 4.5.1 Perancangan Strategik 2024–2026 telah pun disediakan pada tahun lepas. Oleh itu, Ketua Panitia hanya fokus kepada OPKM 2024.
- 4.5.2 Aktiviti Panitia 2024 yang telah dirancang perlu disenaraikan dalam OPKM. Kemaskini dan tambah baik OPKM yang telah dibuat sebelum ini.

Program Panitia	● Program Learning English Together ● Karnival Bahasa (school and District) ● Program ‘ Little Bamboo’ (pra) ● Program ‘Joey Care’ (parents) ● Talent Time (assembly) ● ‘A Song for me ‘ ●
-----------------	--

Makluman: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.5 Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran KSSR (DSKP) dan RPT 2024

- 4.5.1 Semua guru dikehendaki memuat turun DSKP Semakan sebagai rujukan utama. Fahami segala SK dan SP yang terkandung dalam DSKP
- 4.5.2 Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) KSSR bagi sesi 2023 mengikut tahun yang diajar perlu disediakan. Pastikan RPH telah lengkap ditulis pada hari pertama persekolahan dan perlu ditulis berpanduan RPT masing-masing.

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.6 e-RPH

- 4.6.1 Pendaftaran jadual 2024 akan dilakukan setelah semua guru selesai menamatkan Jadual PdPc 2023 melalui perisian ePrema. RPH pertama bagi sesi 2024 perlu disiapkan sebelum 10 Mac 2024 sesi pembelajaran bermula.
- 4.6.2 Rancangan Pengajaran Harian (RPH) perlu disiapkan sebelum waktu PdPc bagi kesemua mata pelajaran pada hari tersebut.
- 4.6.3 e-RPH yang telah siap perlu dihantar awal kepada guru besar untuk disahkan. Sekiranya ada perubahan pada rancangan pengajaran yang telah disahkan, guru-guru boleh memaklumkan kepada guru besar untuk batalkan pengesahan. Kemaskini RPH perlu dilakukan semula. Penulisan refleksi adalah selepas sesi PdPc dilaksanakan.
- 4.6.4 Guru perlu mendaftar mata pelajaran yang diajar berdasarkan jadual waktu 2024 yang diedarkan.
- 4.6.5 Guru Bahasa Inggeris perlu menulis RPH mengikut format dan tatacara penulisan subjek Bahasa Inggeris.

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.7 Penyelarasan Penggunaan Buku Latihan dan Zoom A

- 4.7.1 Penggunaan beg ideal masih lagi diteruskan seperti tahun-tahun sudah. Hal ini adalah sebagai langkah untuk mengurangkan beban berat beg yang terpaksa ditanggung oleh murid. Diharap guru mata pelajaran ambil tindakan.
- 4.7.2 Murid dibenarkan untuk meninggalkan buku di sekolah.
- 4.7.3 Ketua Panitia telah menetapkan bahawa buku tulis Bahasa Inggeris adalah sebanyak 2 buah buku sahaja dan penggunaan Zoom A dijalankan mengikut jadual yang akan dikongsikan oleh penyelaras Bestari.

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

- 4.7.4 Utamakan buku teks apabila mengajar di sekolah. Buku aktiviti hanya digunakan untuk membuat latihan di rumah sahaja.

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.8 Agihan Latihan

- 4.8.1 Agihan latihan yang diberi adalah mesti mengikut tahap kebolehan murid.
- 4.8.2 Guru subjek perlu menyediakan latihan/soalan mengikut kesesuaian topik yang diajar.

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.9 Semakan Latihan dan Buku Latihan

- 4.9.1 Guru perlu menyemak latihan yang telah dibuat oleh murid. Semakan dibuat selang masa tiga atau empat hari setelah latihan diberikan kepada murid. Jangan biarkan latihan murid tidak bersemak.
- 4.9.2 Berikan penjelasan kepada murid tentang simbol penandaan yang digunakan oleh guru semasa menyemak latihan.
- 4.9.3 Latihan yang salah perlu dibuat pembetulan supaya murid menyedari kesilapan yang dilakukan. Beri galakan kepada murid supaya rajin melaksanakan dan menyiapkan tugas.

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.10 PLC

- 4.10.1 Pengurusan Panitia Bahasa Inggeris akan mengadakan (PLC) dari semasa ke semasa.
- 4.10.2 Rujuk OPPM yang telah disediakan bagi pelaksanaan setiap aktiviti Panitia Bahasa Inggeris.

Makluman: Semua Guru Bahasa Inggeris

4.11 MMI – Melindungi Masa Intruksional

- 4.11.1 Makluman kepada semua guru agar menyediakan bahan PdP kepada guru ganti sekiranya tidak hadir bertugas disebabkan cuti atau berkursus. Hal ini adalah supaya sekolah dapat memastikan proses pembelajaran berlangsung di sekolah dan akhirnya murid dapat belajar secara berkesan.

Makluman: Semua Guru

4.12 Program NILAM

- 4.12.1 Melibatkan semua subjek. Sekiranya guru mata pelajaran tidak hadir, guru ganti boleh membawa murid ke perpustakaan untuk aktiviti NILAM.
- 4.12.2 Guru perlu membantu dan membimbing murid-murid untuk mengisi maklumat yang dibaca ke dalam sistem NILAM. Membimbing dan mengingatkan murid-murid supaya sentiasa merekod aktiviti bacaan.
- 4.12.3 Murid perlu merekodkan bacaan NILAM ke dalam sistem NILAM Johor

Makluman: Semua Guru

4.13 Program Transisi 2024

- 4.13.1 Surat siaran pelaksanaan Program Transisi dan Guru Penyayang [No Ruj: KP (PPK)1200-1/1 (38)] bertarikh 4 Disember 2006 adalah dibatalkan. Oleh itu, sekolah perlu guna pakai surat siaran Pelaksanaan Program Transisi Tahun Satu 2.0 Mulai Kalendar Akademik Sesi 2024/2025 [No Ruj: KPM.100-1/3/2 Jld.5 (7)] bertarikh 10 Mac 2024.
- 4.13.2 Transisi diadakan selama 4 minggu iaitu;
 - i. Fasa Penyesuaian (Dua Minggu) bermula 10 Mac 2024 – 24 Mac 2024.
 - ii. Fasa Kesianaan (Dua Minggu) bermula 25 Mac 2024 – 04 April 2024.
- 4.13.3 Pengisian dan peruntukan waktu aktiviti harian seperti rutin kelas, perbualan awal, rehat (Guru Kelas), fizikal, suai kenal, aktiviti

pembelajaran (Guru Mata Pelajaran). Penilaian senarai semak kesediaan murid perlu disediakan.

4.13.4 Pelaksanaan Fasa Kesediaan – Guru perlu kenal pasti tahap kesediaan murid melalui penilaian. Senarai Semak Kesediaan Murid PTSS 2.0 perlu disediakan. Pendekatan pengajaran bertema berdasarkan Minat, Latar belakang dan Persekitaran murid.

4.13.5 Guru perlu melaksanakan pelbagai kaedah PBD menggunakan item dalam Senarai Semak Kesediaan Murid sekiranya murid belum menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang digariskan

Makluman: Semua Guru

4.14 Pendidikan Sivik

4.14.1 Pendidikan Sivik diajar dalam subjek Bahasa Inggeris yang melibatkan minggu ke-4.

4.14.2 Guru hendaklah mengajar sivik selama 1 jam sekali dalam satu bulan.

Tindakan: Semua Guru Bahasa Inggeris

5 HAL-HAL LAIN

5.1 Pembelajaran PAK21- Elemen PAK 21 perlu diwujudkan dalam kelas seperti:

- i. Parking Lot
- ii. Objektif Pembelajaran
- iii. Carta Kehadiran
- iv. Sudut murid atau hasil kerja murid dan reward Chart.

5.2 Terapkan PAK21 dalam pembelajaran dan juga dalam penulisan RPH. Aktiviti yang diadakan menjurus ke arah PAK21. Matlamat utama adalah untuk menghasilkan lebih ramai pembelajar sepanjang hayat, iaitu mereka mempunyai kemahiran pelbagai untuk memastikan kesinambungan kehidupan dalam zama yang sentiasa berubah. Terapkan penggunaan ICT dalam PdPc guru bersama murid.

6 PENUTUP

6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua guru Bahasa Inggeris yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan diharap usaha tersebut dapat digandakan lagi.

6.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari. Mesyuarat seterusnya akan dimaklumkan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan.

Disediakan oleh,
Setiausaha

Panitia Bahasa Inggeris Tarikh :

16 Mac 2024 1